

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI, DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : MQT
DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]
TARIKH : 14 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 1

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat keputusan berhubung cadangan perintah berkurung '*curfew*' kepada remaja di bawah umur 18 tahun sepertimana yang telah dinyatakan pada awal tahun ini, serta apakah justifikasi ke atas keputusan tersebut?

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setelah perkara ini diteliti oleh Kementerian, Kerajaan berpendapat bahawa larangan keluar malam atau perintah berkurung (*curfew*) bagi kanak-kanak dan remaja bawah 18 tahun pada waktu malam masih belum sesuai untuk dilaksanakan buat masa ini.

Ianya belum sesuai di atas beberapa faktor :

- (i) ibu bapa tiada di rumah kerana melaksanakan lebih dari satu pekerjaan bagi menampung kos sara hidup;
- (ii) terdapat keperluan untuk kanak-kanak berada di luar rumah di waktu malam seperti ke pusat tuisyen, aktiviti sukan dan agama di surau; dan
- (v) terdapat kanak-kanak yang bekerja bagi membantu menyara keluarga daripada segi sosio-ekonomi seperti yang dibenarkan oleh *International Labour Organisation* (ILO) bagi kanak-kanak berumur 15 tahun ke atas kerana pendidikan sekunder belum diwajibkan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mempertimbangkan pelaksanaannya secara rintis di kawasan-kawasan berisiko tinggi (*hot spots*).

Ibu bapa dan penjaga bertanggungjawab untuk memastikan anak-anak berada di rumah atau di tempat yang selamat pada setiap waktu, bukan

SOALAN MQT NO. 1

sahaja pada waktu malam dan tanggungjawab ini tidak seharusnya diambil alih oleh Kerajaan.

Pemantauan dari semasa ke semasa boleh dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), melalui persatuan kejrangan atau komuniti yang prihatin bagi memastikan remaja tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti tidak sihat.

Model Belia (*Youth Model*) negara Iceland sering dijadikan contoh setelah dilaporkan berjaya menurunkan kes salah guna bahan (alkohol dan merokok) di kalangan remaja secara drastik setelah penguatkuasaan '*curfew*' dilaksanakan.

Namun, pelaksanaan '*curfew*' merupakan **hanya sebahagian kecil daripada usaha besar** Kerajaan negara Iceland di mana pelaburan kewangan jangka panjang diberikan kepada pembangunan infrastruktur rekreasi serta pelbagai aktiviti pengisian bagi golongan muda. Keluarga berpendapatan rendah pula diberikan *Leisure Cards* (USD330 bagi seorang kanak-kanak/setiap tahun) bagi menanggung kelas aktiviti seperti kelas sukan, muzik dan drama.

Ia merupakan gerakan sosial di mana pemantauan undang-undang berkurung dilakukan sendiri oleh ibu bapa dan masyarakat kejrangan dengan penglibatan minima oleh Kerajaan.

Sememangnya perkara-perkara ini amat bagus sekiranya turut dapat dilaksanakan di Malaysia. Namun, perbandingan antara Iceland dan Malaysia adalah terlalu ketara: dari segi jumlah penduduk dan golongan kanak-kanak (kurang 50,000 berbanding 9.4 juta orang kanak-kanak),

SOALAN MQT NO. 1

dari segi ekonomi iaitu kemampuan Kerajaan untuk menyediakan sistem sokongan yang kukuh serta purata pendapatan keluarga. Data ini saya boleh berikan kepada YB secara bertulis.

Oleh itu, walaupun kejayaan model Belia Iceland adalah menarik, namun ia dilaksanakan di bawah konteks serta persekitaran sosio-ekonomi yang berbeza di mana *curfew* tersebut hanya berjaya setelah sistem sokongan kukuh disediakan serta persekitaran *work-life balance* yang mengutamakan masa bersama keluarga. Saya melihat pelaksanaan *curfew* tanpa terlebih dahulu menyediakan sistem sokongan kepada ibu bapa tidak akan dapat memberi kesan positif kepada unit keluarga.

Lebih banyak usaha perlu ditekankan dari segi aspek pendidikan serta mewujudkan kesedaran (*awareness*) yang lebih tinggi berbanding dengan mewujudkan undang-undang ketat. Tindakan yang perlu diambil bukan dengan membatasi mobiliti remaja tetapi mengelakkan mereka daripada terjebak ke dalam gejala sosial.

Sebagai contoh, usaha memerangi dadah perlu ditingkatkan selain daripada kajian ke atas keberkesanan kempen pencegahan dadah di sekolah perlu dilaksanakan agar keputusan dibuat adalah berdasarkan *evidence-based*.